



اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: 05-4596204 Fax: 05-4595488

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5 TAHUN 1999

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

UPSI/PEND/220-1(II)

Tarikh :

09 Disember 1999

01 Ramadhan 1420H

Dekan-dekan
Ketua-ketua Bahagian
Semua Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan,

LANGKAH MENGAWAL PERBELANJAAN UNIVERSITI

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti amat prihatin tentang perlunya semua pihak mengambil langkah mengawal dan menjimatkan perbelanjaan. Perkara ini telah pun diedarkan kepada tuan/puan pada 10 September 1999 yang menyertakan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 1999 – Garis Panduan Untuk Mengawal Perbelanjaan Awam.

2. Sehubungan dengan perkara ini, semua pihak dalam Universiti perlu bekerjasama bagi mematuhi pekeliling di atas. Di antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah:

- 2.1 mematikan suis bekalan elektrik apabila selesai bertugas atau apabila meninggalkan tempat kerja bagi satu tempoh yang agak lama.
- 2.2 menggunakan air pada tahap yang minima bagi apa juga tujuan.
- 2.3 menggunakan telefon secara berhemat iaitu untuk urusan rasmi sahaja dan penggunaannya dipastikan bagi suatu tempoh yang pendek tetapi memadai bagi menyelesaikan urusan berkaitan dengannya.
- 2.4 menggunakan kertas dan alat tulis secara berhemat. Kertas-kertas yang telah terpakai sahaja digunakan untuk draf surat atau kertas kerja dan sampul surat terpakai digunakan untuk urusan dalam kampus.
- 2.5 pesanan minuman/makanan untuk mesyuarat-mesyuarat rasmi hendaklah berdasarkan jumlah mereka yang hadir dan mesyuarat dibatalkan pada saat akhir.

- 2.6 untuk menghadiri urusan di luar kampus yang melibatkan beberapa orang kakitangan, penggunaan kenderaan perlu dikongsi pada tahap yang munasabah.

Sekian untuk perhatian dan tindakan tuan/puan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



(SAYUTI BIN SAHLANI)
Pendaftar

- s.k
1. Naib Canselor
 2. Timbalan Naib Canselor